

02/12/1998

UKM adakan semula Sudut Pidato

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) akan mengadakan Sudut Pidato untuk memberi peluang kepada pelajarnya meluahkan pandangan mengenai sebarang isu semasa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UKM, Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh, berkata sudut yang popular pada akhir tahun 1960-an dan awal 1970-an itu adalah kesinambungan daripada Wacana Minda yang diadakan di Pusanika, UKM pada setiap pagi Jumaat.

Katanya, Sudut Pidato akan diadakan secara bergilir dengan Wacana Minda dan pelajar universiti itu bebas memperkatakan mengenai pelbagai isu yang mereka ingini.

"Bagaimanapun, untuk permulaan, Jumaat ini saya ingin menjemput pensyarah Undang-Undang UKM menyampaikan ceramah mengenai konsep asas perundangan untuk memberi kefahaman kepada pelajar."

"Kemudian mereka boleh bertanya kepada penceramah atau meluahkan pendapat mereka termasuk perasaan tidak puas hati terhadap pihak universiti atau institusi lain," katanya kepada Berita Harian selepas majlis perasmian Hari Kerjaya UKM Ke-17 di Bangi, semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad. Turut hadir ialah Pengarah Unit Runding Cara Pelajar UKM, Mohd Tohir Hashim.

Semalam, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak berkata, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dibenar mengadakan perbincangan membina mengenai isu semasa selagi tidak melanggar Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan mendapat kebenaran universiti.

AUKU yang diwartakan ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Menteri Pelajaran melarang pelajar menyertai kegiatan politik yang menentang kerajaan.

Dr Wan Hashim berkata, menerusi saluran itu, pelajar boleh melahirkan perasaan mereka tanpa perlu menyertai demonstrasi di luar kampus yang menyebabkan mereka dikenakan tindakan polis dan mahkamah.

"Bagaimanapun, forum ini berbentuk dalaman, hanya terbuka kepada pelajar dan kakitangan UKM. Orang luar tidak dijemput untuk menyertai Sudut Pidato ini," katanya.

Beliau juga menasihatkan pelajar UKM supaya tidak menyertai perhimpunan haram di luar kampus kerana jika ditangkap dan disabitkan kesalahan, mereka boleh digantung pengajian serta dibuang daripada universiti.

Sebelum ini, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Md Ali menggesa pentadbiran institusi pengajian tinggi tempatan memberi penerangan kepada penuntut supaya tidak mengadakan perhimpunan haram menyokong reformasi kerana tindakan itu menyalahi Akta Polis dan AUKU.

Beliau berkata demikian berikutan demonstrasi anti kerajaan menuntut reformasi pentadbiran negara yang dilakukan oleh beratus-ratus pelajar Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia selepas solat Jumaat minggu lalu.

(END)